


**RENCANA  
UTAMA**


NOOR AZIAH (dua dari kanan) aktif membantu menambah baik Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam.

NOOR AZIAH bersama suaminya, Abdul Halim pada majlis Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Sembilan di Seremban pada tahun lalu.

# Bantu pasangan hadapi masalah rumah tangga

TARIKH 1 Muharam 1439H/2017 akan dikenang sebagai satu memori terindah sepanjang hayatnya.

Pada hari itu, Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal, 57, dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Sembilan di Masjid Negeri, Seremban, Negeri Sembilan.

Majlis penyerahan hadiah dan cenderamata itu disampaikan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Penganugerahan itu menjadikan anak kelahiran Nilai, Negeri Sembilan itu sebagai wanita pertama menerima anugerah berkenaan ekoran sumbangan besar Noor Aziah lebih tiga dekad dalam memartabatkan institusi kekeluargaan, terutamanya berkaitan undang-undang kanak-kanak, wanita dan keluarga.

"Saya tidak pernah bermimpi akan mendapat anugerah ini. Ia satu anugerah yang sangat bernilai meskipun sumbangan saya dilakukan atas faktor kerjaya," katanya ketika ditemu bual *Kosmo!* di kediamannya, Bandar Baru Bangi, Selangor baru-baru ini.

Wanita sederhana tinggi dan berkulit sawo matang itu merupakan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau sangat aktif dalam kerja-kerja kebajikan.

Noor Aziah memainkan peranan penting dalam beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antaranya sebagai Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam, Yayasan Dakwah Islam Malaysia dan Pengerusi Biro Kebajikan, Persatuan Wanita UKM. Melalui pertubuhan

Sebagai anak kepada seorang imam, pada masa kecil Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal sering melihat ramai wanita berjumpa bapanya mengadu masalah rumah tangga terutamanya digantung tidak bertali.

tersebut, Noor Aziah sentiasa turun padang membantu wanita-wanita yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan perundangan keluarga Islam.

Beliau juga selalu dijemput memberi ceramah mengenai isu-isu berkaitan wanita, kanak-kanak serta keluarga.

## Percuma

"Saya pernah membuka bilik khas di UKM untuk mendengar masalah dan memberikan khidmat nasihat secara percuma kepada wanita yang memerlukan.

"Kebanyakan yang datang ke lokasi itu adalah mereka yang ingin menuntut penceraian daripada suami, harta sepencarian dan tuntutan hak penjagaan anak," ujarnya.

Selain aktif dalam NGO, Noor Aziah turut menjadi Ahli Majlis Kanak-Kanak Kebangsaan, Ahli Majlis Penasihat Agama Islam Negeri Sembilan dan ahli Suruhanjaya ASEAN Bagi Promosi serta Perlindungan Wanita dan Kanak-Kanak.

Menerusi jawatan berkenaan dan pensyarah, beliau berpeluang mendraf Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang baharu bagi beberapa buah negeri. Ini kerana Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan telah diluluskan pada tahun 1984. "Saya dapati banyak kekurangan yang terdapat dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan yang diluluskan sebelum ini, sekali gus menyebabkan ramai wanita teraniaya.

"Saya pernah mendengar satu kes tuntutan fasakh oleh seorang wanita di mahkamah.

"Wanita berkenaan gagal dalam tuntutan kerananya kerana dituduh nusyuz

kepada suami ekoran tidak membuka pintu. Hakikatnya, suaminya mabuk ketika itu.

"Selepas itu, saya sedaya upaya berusaha bersama rakan-rakan yang lain untuk mendraf beberapa perubahan bagi memudahkan wanita menuntut penceraian," terangnya.

Noor Aziah juga pernah beberapa kali dititah menghadap Tuanku Muhriz bagi menasihati dan memberi pandangan kepada baginda mengenai isu wanita, kanak-kanak dan keluarga.

Mengimbu sejarah hidupnya, Noor Aziah memaklumkan, beliau dilahirkan dalam keluarga serba sederhana dan dibesarkan dalam masyarakat Melayu yang kuat pegangan agama.

Arwah bapanya, Mohd. Awal Ismail merupakan seorang imam di Masjid Kampung Bukit Kadir, Nilai serta guru agama manakala ibu, Hapipah Hassan, 81, adalah suri rumah sepenuh masa.

Menurut anak kedua bongsu daripada lapan beradik itu, meskipun ibunya seorang buta huruf, ia bukanlah penghalang kepadanya untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan.

"Saya dibesarkan dalam keluarga yang besar dan serba sederhana.

"Bapa hanya bekerja kampung dan guru agama dengan pendapatan RM400 sebulan tetapi ibu bapa berusaha memberikan pendidikan terbaik," ujarnya.

Noor Aziah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Dato' Shah Bandar Abu Bakar, Labu Hilir sebelum melanjutkan pelajar ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Said, Nilai. Tamat Sijil Pelajaran Malaysia

RAMAI wanita Islam di negara ini mengalami masalah rumah tangga dengan pasangan.  
- Gambar hiasan

